

02/10/2002

Pas wajar tarik kaset Nik Aziz dari pasaran

MURSYIDUL Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang mengakui kesilapannya menuduh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak tahu membaca al-Quran, akhirnya menghantar surat rasmi meminta maaf kepada Perdana Menteri, kelmarin. Dengan surat itu, Menteri Besar Kelantan itu berharap dapat `menjernihkan keadaan' berhubung tuduhan tidak berasasnya itu. Dr Mahathir sebagai seorang yang berhati mulia sudah pun memaafkan Nik Aziz walau pun belum menerima suratnya yang memohon maaf atas keterlanjuran itu.

Tetapi apakah dengan berbuat demikian Nik Abdul Aziz dapat `menjernihkan keadaan' dan membetulkan kesilapannya? Apakah -pengikutnya dan mereka yang mengikuti ceramahnya di mana beliau membuat tuduhan tidak berasas itu mengetahui kesilapannya itu?

Bagaimana pula dengan rakaman ucapannya itu yang sudah pun diedar dan dijual melalui kaset? Bagaimana beliau akan mengetahui siapa yang mempunyai kaset-kaset itu? Apakah kaset-kaset itu akan dipanggil balik? Juga tidak diketahui apakah penjualan kaset itu sudah dihentikan? Kalaupun dipanggil balik apakah pemilik kaset itu akan menyerahkannya kembali? Jika demikian halnya bagaimana pula hendak membersihkan fakta salah itu daripada pita kaset berkenaan?

Inilah akibatnya apabila seorang pemimpin membuat tuduhan melulu tanpa berfikir panjang. Mungkin Nik Aziz perlu merakamkan kesesalannya membuat tuduhan tidak berasa itu untuk diedarkan kepada penyokong-penyokongnya. Pepatah Melayu ada menyebut, terlajak perahu boleh berundur, terlajak kata buruk padahnya. Islam sendiri menegah umatnya daripada membuat tuduhan tidak benar atau berfitnah. Hendaknya mereka mengambil iktibar dari peristiwa ini.